

SOALAN LAZIM
Cabutan WOW! 25 Tahun PTPTN

1. **Soalan:**
Apakah **Cabutan WOW! 25 Tahun PTPTN**?

Jawapan:

Cabutan WOW! 25 Tahun PTPTN adalah cabutan yang diadakan bersempena Sambutan Jubli Perak 25 Tahun yang menawarkan hadiah keseluruhan berjumlah **hampir RM1 juta** untuk dimenangi oleh **350 orang pemenang**.

2. **Soalan:**
Bilakah tempoh kempen **Cabutan WOW! 25 Tahun PTPTN** bermula?

Jawapan:

Tempoh kempen adalah seperti berikut:-

Kategori	Cabutan	Tempoh Kempen
Cabutan Siri	Silver 1	1 April – 30 Jun 2022
	Silver 2	1 Julai – 30 September 2022
	Silver 3	1 Oktober – 31 Disember 2022
Cabutan Tahunan	Jubli Perak	1 Januari – 31 Disember 2022
Cabutan Khas	<i>Babyku Simpan</i>	1 Januari – 31 Disember 2022

3. **Soalan:**
Siapakah yang layak untuk menyertai kempen **Cabutan WOW! 25 Tahun PTPTN**?

Jawapan:

Semua pendeposit Simpan SSPN (Simpan SSPN Prime dan Simpan SSPN Plus) yang membuat pembukaan dan penambahan simpanan dalam tempoh kempen, tertakluk kepada terma dan syarat penyertaan.

4. **Soalan:**
Apakah syarat-syarat untuk menyertai kempen **Cabutan WOW! 25 Tahun PTPTN**?

Jawapan:

Syarat-syarat untuk menyertai promosi ini adalah seperti berikut:

KELAYAKAN UMUM

- i. Terbuka kepada pendeposit **Simpan SSPN Prime dan Simpan SSPN Plus yang membuka akaun** atau **membuat penambahan simpanan** dalam tempoh kempen;
- ii. Kempen ini **TIDAK LAYAK** disertai oleh kakitangan PTPTN dan ahli keluarga (merangkumi pasangan dan anak-anak);

iii. **Kelayakan Bilangan Cabutan**

Produk	Simpanan Bersih	Bilangan Cabutan
Simpan SSPN Prime	RM50	Satu (1) cabutan
Simpan SSPN Plus	RM50 (simpanan + takaful)	Dua (2) cabutan

- iv. Tiada had untuk bilangan cabutan;
- v. Pendeposit perlu **memastikan akaun Simpan SSPN Prime kekal aktif dan akaun Simpan SSPN Plus tiada tunggakan sehingga tarikh cabutan**;
- vi. Sekiranya berlaku kematian pendeposit didalam tempoh kempen, akaun itu masih layak untuk menyertai cabutan, tertakluk kepada terma dan syarat simpanan.

KELAYAKAN TAMBAHAN BAGI CABUTAN KHAS BABYKU SIMPAN

- vii. Pendeposit hendaklah membuka akaun **Simpan SSPN Prime atau Simpan SSPN Plus** dalam tempoh kempen bagi penerima manfaat yang **dilahirkan pada tahun 2022 dan dan kelahiran didaftarkan pada tahun 2022.**

5. Soalan:

Adakah permohonan perlu dibuat untuk melayakkan pendeposit menyertai **Cabutan WOW! 25 Tahun PTPTN?**

Jawapan:

Tidak perlu kerana kelayakan **Cabutan WOW! 25 Tahun PTPTN** ini adalah automatik bagi pendeposit yang layak.

6. Soalan:

Bagaimanakah pendeposit boleh membuka akaun/ menambah simpanan **Simpan SSPN Prime dan Simpan SSPN Plus?**

Jawapan:

Akaun **Simpan SSPN Prime dan Simpan SSPN Plus** boleh dibuka/ ditambah secara online dengan melayari www.lovespnn.com, di kaunter cawangan PTPTN atau melalui ejen-ejen sah yang telah dilantik.

7. Soalan:

Jika akaun pendeposit telah tertunggak, adakah akaun tersebut masih layak untuk menyertai cabutan?

Jawapan:

Tidak layak. Pendeposit perlu memastikan akaun tiada tunggakan sehingga tarikh cabutan yang ditetapkan.

8. Soalan:

Jika pendeposit meninggal dunia, adakah akaun tersebut masih layak untuk menyertai cabutan?

Jawapan:

Layak. Tertakluk kepada terma dan syarat simpanan.

9. Soalan:

Bilakah tarikh cabutan akan dibuat?

Jawapan:

Secara tentatifnya, tarikh cabutan adalah 20 hari selepas tamat tempoh setiap cabutan. Walau bagaimanapun, tarikh ini mungkin akan berubah mengikut keperluan dan keadaan semasa

10. Soalan:

Apakah hadiah yang ditawarkan untuk promosi ini?

Jawapan:

Pemenang kempen akan memenangi hadiah berikut:

Cabutan Siri

Cabutan	Hadiah	Bilangan Pemenang
Silver 1	Tunai bernilai RM2,525	25
Silver 2	Tunai bernilai RM2,525	25
Silver 3	Tunai bernilai RM2,525	25

Cabutan Tahunan Jubli Perak

Pemenang	Hadiah	Bilangan Pemenang
Utama	Kereta Mercedes-Benz A250 AMG Line	1
Kedua	Tunai bernilai RM100,000	1
Ketiga	Tunai bernilai RM50,000	1
Saguhati	Motosikal Honda Dash 125	22

Cabutan Khas *Babyku* Simpan

Pemenang	Hadiah	Bilangan Pemenang
Utama	Tunai bernilai RM1,000	250

11. Soalan:

Bagaimanakah maklumat kepada pemenang **Cabutan WOW! 25 Tahun PTPTN** akan dibuat?

Jawapan:

Pemenang akan dimaklumkan melalui surat/ emel/ panggilan telefon atau kaedah penyampaian lain yang bersesuaian. Nama-nama pemenang juga akan dipaparkan di laman portal rasmi PTPTN: www.ptptn.gov.my

12. Soalan:

Bilakah dan bagaimanakah hadiah tunai akan dikreditkan kepada pemenang?

Jawapan:

Hadiah berbentuk ganjaran tunai yang dimenangi akan dikreditkan ke dalam akaun Simpan SSPN Prime dalam tempoh **DUA (2) BULAN** dari tarikh cabutan. Sekiranya pemenang tidak mempunyai akaun Simpan SSPN Prime, pembukaan akaun akan dibuat berdasarkan kepada butiran akaun di **Simpan SSPN Plus**

Nota: Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami terma-terma dan syarat-syarat penuh kempen **Cabutan WOW! 25 Tahun PTPTN**.

Maklumat dikemaskini pada 28 Mac 2022